

## Maklumat Mengenai SuperPark

### Fakta-fakta Penting

- **SIAPA:** SuperPark adalah taman aktiviti tertutup semua dalam satu yang paling mesra pengguna di dunia. Ia memberikan pengalaman bermain yang unik, menggembarakan dan menyatukan semua orang di seluruh dunia, tidak kira umur atau tahap kecergasan. Berasal dari Finland pada tahun 2012, SuperPark memiliki, menguruskan lesen dan mengendalikan 18 taman kegiatan di seluruh dunia, dengan Hong Kong sebagai lokasi pertama di Asia, diikuti dengan Singapura dan Malaysia yang masing-masing menjadi lokasi kedua dan ketiga.
- **APA:** SuperPark Malaysia terdiri daripada 3 bahagian bertema yang menawarkan lebih 20 kegiatan menghiburkan, menyeronokkan dan penuh bertenaga di bawah satu bumbung.
- **MENGAPA:** Misi SuperPark adalah untuk memberikan kegembiraan, persahabatan dan kesihatan lebih baik.
- **BILA:** SuperPark Malaysia bakal dilancarkan pada Disember 2018.
- **MANA:** SuperPark Malaysia akan bertempat di tapak berkeluasan 40,000 kaki persegi yang berdekatan dengan Menara Kembar Petronas di Kuala Lumpur.

### Konsep SuperPark

- SuperPark adalah berasaskan keseronokan permainan dan pergerakan, dan direka untuk menginspirasi dan memperkasakan individu dari semua lapisan usia dan tahap kecergasan supaya menjadi aktif.
- Ia tidak mempunyai permainan di taman tema yang berasaskan motor. Sebaliknya, badan manusia berfungsi sebagai enjin bagi semua aktiviti di SuperPark.
- SuperPark dibina secara khasnya untuk membolehkan kanak-kanak, ibu bapa dan datuk nenek berseronok dan bermain bersama-sama.
- Gaya hidup 'Superparking' adalah berdasarkan permainan menyeronokkan, persahabatan dan kehidupan lebih baik. Dengan menggabungkan keseronokan, persahabatan dan senaman, pelbagai manfaat untuk kesihatan akan datang dengan semula jadi.

### Pelbagai Jenis Aktiviti

- SuperPark Malaysia akan menawarkan lebih 20 kegiatan berdasarkan tiga tema:
  - **Adventure Area** menawarkan kegiatan menarik buat anak kecil serta ibu bapa, termasuklah **iWall** (permainan parkour interaktif), **Flying Fox**, **Tiub Slide** (papan gelongsor), **Kid's Gym** (sudut si cilik), **Kid's Adventure City** (menara permainan), **Pedal Car Track** dan banyak lagi.

- Di **Game Arena**, remaja boleh menikmati sukan seperti **besbol**, meningkatkan kemahiran sukan mereka dengan **Street Basketball** (bola keranjang) atau bersaing dengan penjaga gol kecerdasan buatan **Robokeeper** (AI gol). Markah akan diukur menerusi penggunaan pengesanan dan sistem digital lain supaya mereka boleh saling mencabar dengan kawan (atau ibu bapa!) mereka.
- Di **Freestyle Hall** pula, remaja boleh mengetepikan telefon pintar mereka untuk menyahut cabaran **SuperClimb** (konsep mendaki yang direka secara khas dan menyeronokkan) serta **Ninja Track** (laluan berhalangan) baharu, **Skate and Scoot World**, melonjat di **Trampoline Platform**, memanjat **Augmented Climbing Wall** serta bermain luncur di **Gelanggang Luncur** yang eksklusif di SuperPark Malaysia.
- Semua aktiviti akan dijalankan di bawah bimbingan kakitangan berpengalaman, yang kebanyakannya terdiri daripada jurulatih yang diiktiraf, serta selamat dari hujan, pencemaran, sinaran UV yang tinggi, atau pepijat dan nyamuk.

### Harga

- Harga masuk sehari adalah antara RM30 – RM50 setiap individu di SuperPark Malaysia. Harga berbeza-beza untuk hari biasa, serta hari cuti termasuklah hujung minggu, cuti umum dan cuti sekolah).
- Slot masa dan harga:

JENIS	HARGA
<b>HARI BIASA</b>	
Sehari	RM50
Lewat Petang (6PM - 9PM)	RM30
Stoking	RM5
<b>HUJUNG MINGGU</b>	
Sehari	RM70
Lewat Petang (6PM - 9PM)	RM45
Petang (1.30PM - 5.30PM)	RM55
Pagi (9AM - 1PM)	RM45
Stoking	RM5

### **Penyewaan peralatan**

- Topi keledar, papan selaju, skuter, pad keselamatan, pemukul besbol, bola, dan sebagainya boleh dipinjam dan telah termasuk dalam harga tiket.

### **Bilik**

- 6 bilik fungsi akan disediakan di SuperPark Malaysia untuk aktiviti berkumpulan, sekaligus menjadikan SuperPark tempat ideal untuk aktiviti pembinaan pasukan, sambutan hari jadi, pertemuan semula antara kawan karib atau sambutan dalam keluarga.

### **Kisah SuperPark**

- Inspirasi SuperPark tercetus apabila Taneli Sutinen, seorang ahli niaga dari Finland bermain dengan anak perempuannya yang berusia 4 tahun. Menyedari agak susah untuk bermain di taman permainan saiz kanak-kanak, maka terdetik di hati beliau untuk mencipta satu taman kegiatan yang membolehkan kanak-kanak dan orang dewasa bermain bersama-sama.
- SuperPark yang pertama dibuka di Vuokatti, Finland pada tahun 2012. Berikutan permintaan amat tinggi, hari ini, terdapat sebanyak 13 buah SuperPark di Finland.
- SuperPark Malaysia merupakan sebahagian usaha perkembangan antarabangsa yang juga merangkumi Sweden, Perancis, Hong Kong, China and Singapura. SuperPark merancang untuk berkembang sehingga 100 lokasi menjelang tahun 2020.

### **Maklumat lanjut**

- Layari laman sesawang global SuperPark: [www.superpark.fi/en](http://www.superpark.fi/en)
- Layari laman sesawang Malaysia SuperPark: [www.superpark.com.my](http://www.superpark.com.my)
- Muat turun gambar-gambar SuperPark dari: [SuperPark Images Dropbox Link](#) (klik butang kanan tetikus)